

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN LIM KIT SIANG [GELANG PATAH]

TARIKH : 17 MAC 2015 (SELASA)

SOALAN :

YB Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan mengapa tindakan tidak diambil terhadap Menteri Dalam Negeri yang mengutus surat kepada FBI memberikan jaminan dan sokongan rasmi pihak Kerajaan terhadap watak dan integriti seorang yang digelar raja perjudian, Paul Phua, tanpa persetujuan Ketua Polis Negara, Kementerian Luar Negari serta Ahli-ahli Jemaah Menteri.

JAWAPAN: YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN KASSIM,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Pada dasarnya Kerajaan berpuas hati dan menerima penjelasan yang telah diberikan oleh Menteri Dalam Negeri berkenaan hal tersebut. Walau bagaimanapun, Kerajaan tidak pernah sesekali membela atau melindungi penjenayah tidak kira sama ada mereka penduduk Malaysia mahu pun rakyat asing. Kerajaan juga sentiasa bekerjasama dengan agensi-agensi keselamatan antarabangsa dalam membentaras jenayah, selagi kerjasama tersebut tidak menjejaskan keselamatan Negara.

Sekian. Terima kasih.

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB. PUAN ALICE LAU KIONG YIENG
KAWASAN : LANANG
TARIKH : 17 MAC 2015, SELASA

SOALAN:

YB. PUAN ALICE LAU KIONG YIENG (LANANG) minta MENTERI KERJA RAYA menyatakan:

- (a) apakah status projek Jalan Pan Borneo dan jumlah yang akan diperuntukkan untuk tujuan pengiktirafan Jalan Pan Borneo dalam tahun 2015; dan
- (b) adakah projek ini akan dilaksanakan oleh pihak swasta dan sama ada ia akan dikenakan tol selepas siap projek.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

(a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek membina dan menaik taraf Jalan Pan Borneo dilaksanakan oleh Kerajaan secara berperingkat-peringkat melibatkan jarak keseluruhan sepanjang 2,239 kilometer.

Daripada jumlah tersebut, 1,166 kilometer berada di Sabah dan 2,239 kilometer lagi di Sarawak. Setakat ini jajaran Jalan Pan Borneo yang telah dinaikkan taraf kepada laluan 4 lorong 2 hala ialah sepanjang 251 kilometer, iaitu 114 kilometer di Sabah dan 137 kilometer di Sarawak.

Pada masa kini Kerajaan telah meluluskan 7 projek baru Jalan Pan Borneo dengan nilai keseluruhan projek sebanyak RM1.52 bilion. Projek-projek ini dilaksanakan menerusi kontrak konvensional JKR (bukan penswastaaan), iaitu seperti berikut:

- (1) Menaik taraf Jalan dari Simpang Nyabau ke Jalan Simpang Bakun, Sarawak (44km);
- (2) Menaik taraf Jalan Batu 10 ke Batu 15, Jalan Kuching – Serian, Sarawak (8km);
- (3) Membina 22 Lorong Memotong di Sarawak;
- (4) Menaik taraf Jalan Donggongon ke Simpang Papar Spur, Sabah, Pakej 1 (13.7km);
- (5) Menaik Taraf Jalan Petagas ke Lok Kawi, Sabah, Pakej 1A dan 1B (6km);

- (6) Menaik Taraf Jalan Tawau ke Semporna dari Persimpangan Lapangan Terbang Tawau ke Pekan Semporna, Sabah, Fasa 1 (15km); dan
- (7) Menaik Taraf Jalan Segama Lahad Datu, Sabah, Fasa 1 (5.6km).

Mengenai status projek Jalan Pan Borneo yang bakal dilaksanakan menerusi penswastaaan pula, untuk makluman Ahli Yang Berhormat skop pelaksanaan dan butir-butir terperinci mengenai baki Jalan Pan Borneo yang belum dibina dan dinaikkan taraf itu akan dimuktamadkan setelah perjanjian konsesi ditandatangani antara pembida konsesi dan Kerajaan. Pada masa kini cadangan penswastaaan Jalan Pan Borneo untuk negeri Sarawak sedang dalam peringkat akhir rundingan dan ia dijangka akan dimuktamadkan dalam tempoh masa terdekat ini. Manakala untuk negeri Sabah pula, ia masih sedang dalam peringkat rundingan awal dengan Kerajaan Negeri dan pihak-pihak lain yang berkepentingan.

(b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan model penswastaaan yang dirancang, projek Jalan Pan Borneo yang dilaksanakan oleh pihak swasta itu tidak akan dikenakan tol. Walau bagaimanapun, ia masih tertakluk kepada hasil rundingan perjanjian konsesi yang akan dimuktamadkan oleh Kerajaan dan pihak pembida konsesi.

Sekian. Terima kasih.